

# **PENDEKATAN TRADISIONAL DALAM TERMINOLOGI: SENI TENUN MELAYU**

## ***(TRADITIONAL APPROACH IN TERMINOLOGY: THE ART OF MALAY WEAVING)***

Nur Azimah Mohd Bukhari, Puteri Roslina Abdul Wahid  
Nurul Haniza Samsudin  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

*azimahbukhari@yahoo.com, puteri61@um.edu.my*  
*haniza\_85@um.edu.my*

### **Abstrak**

Terminologi atau peristilahan merupakan aspek penting dalam perancangan bahasa Melayu khususnya bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tulisan ini menumpukan perhatian pada pendekatan tradisional dalam peristilahan seni tenun Melayu. Sesuatu hasil seni tidak lahir daripada ruang yang kosong, sebaliknya lahir daripada sejarah peradaban dan kehidupan masyarakat pendukungnya (Anwar, 2008). Kajian ini bersifat kualitatif deskriptif yang menjelaskan konsep istilah berdasarkan data, analogi, falsafah dan kognisi penutur Melayu bagi memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menentukan pemilihan istilah seni tenun Melayu. Ahli terminologi menghasilkan istilah yang dapat melambangkan konsep dengan tepat dan jitu. Oleh itu, kajian ini bertujuan menunjukkan peristilahan seni tenun Melayu mencapai penstandardan berdasarkan Panduan Peristilahan yang disarankan oleh Felber (1995).

**Kata kunci:** terminologi, bahasa Melayu, istilah, seni tenun.

### ***Abstract***

*Terminology is an important aspect of Malay language planning, especially Malay as a language of knowledge. This paper focuses on traditional approaches in coining of the Malay weaving art terminology. An art outcome was not born out of a vacuum, but was born out of the history of the civilization and the life of its support community (Anwar, 2008). This study is a descriptive qualitative research. The explanation of the concept of the term based on data, analogy, philosophy and the cognition of the Malay speakers. This shows the wisdom of the Malays in coining the Malay weaving terminology. Terminologist generates terms that represent the concept accurately. Therefore, this study shows that the Malay weaving terminology had achieved the standardization as suggested by Felber (1995) in the Terminology Manual.*

*Keywords: terminology, Malay language, term, the art of weaving.*

### **Pengenalan**

Terminologi sebagai satu disiplin ilmu bermula pada awal 1930-an. Wuster mendefinisi istilah sebagai nama konsep (Droz: 1986, p. 515). Pendekatan tradisional dalam terminologi diasaskan oleh Wuster (1898-1977) yang berbangsa Austria daripada kumpulan mazhab Vienna, dan merupakan ahli dalam bidang kejuruteraan manakala Lotter pula mengasaskan mazhab terminologi Soviet. Badan Penstandardan Antarabangsa yang pertama, *International Electrotechnical Commission (IEC)* ditubuhkan pada tahun 1904 di Missouri, Kanada. Felber (1995: 3) mengatakan bahawa istilah “terminologi” boleh dijelaskan berdasarkan tiga konsep. Pertama, bidang pengetahuan antara bidang dan merentasi bidang yang berkaitan dengan konsep dan perwakilannya (istilah, simbol dan lain-lain). Kedua, kumpulan istilah yang mewakili sistem konsep suatu bidang subjek individu. Ketiga, terbitan dengan sistem konsep sesuatu bidang subjek diwakili oleh istilah. Beliau mengatakan bahawa istilah ialah satu lambang linguistik yang diperuntukkan kepada satu atau lebih daripada satu konsep yang setiap satunya telah ditakrifkan berdasarkan konsep-konsep sekeliling. Lambang itu boleh berupa satu kumpulan kata, tetapi istilah boleh juga berupa satu huruf atau lambang grafik, singkatan, akronim atau konotasi.


Seni tenun Melayu merupakan salah satu bidang yang memperlihatkan kearifan tempatan dalam komuniti bagi masyarakat setempat. Kearifan tempatan merujuk pengetahuan yang terkumpul dalam amalan komuniti di sesebuah kawasan. Istilah terbentuk secara spontan oleh masyarakat setempat serta pengalaman mereka berinteraksi dengan persekitaran semula jadi. Tulisan ini menggunakan senarai istilah daripada *Glosari Budaya Malaysia Seni Tenun* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Data dianalisis berdasarkan konsep alat dan istilah yang dirujuk ialah 'rahat' yang dianalisis berdasarkan konsep dan hubungan istilah-konsep seperti dihuraikan dalam pendekatan terminologi tradisional.

### **Pendekatan Tradisional dalam Terminologi**

Pendekatan terminologi tradisional yang diasaskan oleh Wuster bertujuan untuk menghasilkan istilah. Menurut Cabré (2003: 165), Wuster banyak menghabiskan masanya dalam bidang terminologi. Terdapat tiga tujuan, iaitu menghilangkan kekaburan dalam bahasa teknikal dengan cara penyeragaman istilah untuk menjadikan komunikasi lebih cekap, menyakinkan semua pengguna bahasa teknikal memberikan faedah piawaian terminologi, dan mewujudkan terminologi sebagai disiplin untuk semua tujuan praktikal dan memberikannya status sains. Bagi mencapai matlamat tersebut, beliau telah menggariskan tiga objektif utama, iaitu membangunkan standard atau piawaian antarabangsa bagi pengumpulan istilah, mengukuhkan Teori Umum Terminologi dan menghasilkan satu pusat atau membangunkan terminologi antarabangsa Infoterm sebagai pusat pengumpulan, penyebaran dan penyelarasan maklumat mengenai istilah. Berikut merupakan prinsip terminologi tradisional, iaitu:


1. Terminologi bermula daripada konsep tanpa mempertimbangkan bahasa
2. Konsep dijelaskan secara logik dan ontologi mengikut sistem konsep
3. Konsep jelas dalam definisi intensi
4. Konsep dirujuk sebagai satu istilah dan satu istilah hanya merujuk satu konsep
5. Konsep atau istilah tidak berubah

Wuster telah mengangkat bidang terminologi sebagai satu bidang ilmu. Jabatan Linguistik Universiti Vienna telah melantik Wuster sebagai Profesor dalam Teori Umum Terminologi (1972-1974) ketika berusia 74 tahun. Bermula tahun 1971 hingga beliau meninggal dunia pada tahun 1977, Wuster telah dilantik sebagai pengarah *International Information Centre for Terminology* (Infoterm), bawah penajaan UNESCO. Pendekatan Wuster amat popular di negara Eropah Barat yang banyak menggunakan bahasa ibunda untuk dijadikan bahasa bidang ilmu. Walau bagaimanapun, pendekatan Wuster telah didokumenkan dalam *Terminology Manual* (1984) oleh Helmut Felber yang juga pengarah Infoterm selepas Wuster. *Terminology Manual* (1984) telah diterjemahkan oleh Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah, diterbitkan oleh DBP pada tahun 1995 dengan judul *Panduan Peristilahan* dan dijadikan rujukan utama dalam bidang terminologi.



Rajah 1: Segi Tiga Hubungan Istilah – Konsep, Objek dan Lambang<sup>1</sup>


Secara umumnya, Temmerman (2016: 575) berpendapat Wuster sebagai pengasas terminologi mazhab Vienna (1956) mendapat idea pembinaan model istilah seperti dalam rajah 1 berdasarkan segi tiga semantik yang diperkenalkan oleh Gomperz (1908) yang meliputi minda, bahasa dan dunia seperti di bawah:



Rajah 2: Segi Tiga Semantik oleh Gomperz (1908)

<sup>1</sup> Untuk huraian lanjut tentang Segi Tiga Hubungan Istilah – Konsep, Objek dan Lambang, sila lihat muka surat selanjutnya.

Berdasarkan segi tiga semantik, Gumperz telah menyatakan bahawa hubungan antara satu realiti (dunia) sebagai satu kaedah berkomunikasi dan bahasa dijadikan pusat menaakul dan memahami dunia dan bahasa (minda manusia). Namun begitu, Wuster telah menggariskan tiga unsur, iaitu ‘*Gegenstand (Sachverhalt)*’, ‘*Lautkorper*’ dan ‘*Wortinhalt*’, kemudiannya, diterjemahkan oleh Felber sebagai objek individu, simbol dan konsep seperti rajah di bawah:



**Rajah 3:** Segi Tiga Berdasarkan Pandangan Wuster

Menurut Lauren & Pitch (1993) (dlm. Temmerman, 2016: p. 575), Wuster telah mendefinisi, serta melaksanakan kaedah terminologi tradisional dan diteruskan oleh pengikutnya berdasarkan garis panduan sejak tahun 1959. Kerangka teori yang sama digunakan oleh mazhab terminologi yang lain antaranya, mazhab Soviet, mazhab Prague, Pusat Terminologi Kanada dan lain-lain. Kebanyakan mazhab terminologi berada dalam satu lingkungan linguistik strukturalisme Saussurian, iaitu makna boleh disusur galur dengan jelas dan satu pihak lagi mempunyai motivasi yang terselindung, iaitu perancangan bahasa. Pendekatan yang diasaskan oleh Wuster adalah seperti berikut:

1. Model terminologi Eropah (bertentangan dengan Kanada) bermula dengan konsep yang diberikan status ‘makna’ bagi sesuatu istilah yang didukungnya, boleh dan harus dijelaskan secara susur galur.
2. Cara yang baik untuk menghuraikan konsep adalah dengan menentukan kedudukan sesuatu istilah dalam satu sistem konsep yang menggambarkan hubungan logik dan ontologi. Berdasarkan kedudukan dalam sistem konsep, satu definisi dapat dirumuskan.

3. Sistem konsep perlu bebas daripada sistem istilah dan akhirnya tidak seperti kata, istilah bebas konteks dan makna istilah ialah konsep.
4. Perkembangan dan evolusi bahasa tidak perlu dikaji sebagai fokus utama, sebaliknya menumpukan sistem konsep.
5. Terminologi merupakan kajian sinkronik, iaitu kajian mengenai item (alat/benda)
6. Satu konsep merujuk satu istilah (tanpa sinonim) dan satu istilah hanya boleh dirujuk dengan satu konsep (tanpa polisemi). Kaedah terminologi tradisional tidak menekankan bahasa figuratif, bahasa konotatif dan bahasa tidak dilihat sebagai proses dan masa. Sebaliknya, yang ditekankan ialah bahasa sinkronik, iaitu kajian mengenai item (alat/benda).

Walau bagaimanapun, pendekatan terminologi tradisional merangkumi penjelasan berdasarkan hubungan dalam segi tiga semantik. Berdasarkan jadual di bawah, unsur dalam segi tiga semantik menunjukkan perkaitan hubungan yang penting dalam terminologi seperti berikut:

**Jadual 1:** Interpretasi hubungan antara dunia, bahasa dan minda dalam Terminologi Tradisional

Unsur segi tiga semantik	Terminologi Tradisional
Dunia dan bahasa	Dunia wujud secara objektif dan boleh dinamakan
Dunia dan minda	Dunia boleh difahami oleh minda manusia berasaskan keupayaan pengelasan dalam minda manusia
Bahasa dan minda	Potensi kreatif bahasa tidak dihiraukan

Oleh itu, dapat ditegaskan bahawa prinsip terminologi tradisional berdasarkan tiga perkara (Temmerman 2016: 589), iaitu

1. Satu istilah bukan polisemi. Terminologi mengambil pandangan sinkronik. Unsur dinamik bahasa tidak dihiraukan.
2. Satu konsep hendaklah dirujuk oleh satu istilah atau istilah tidak seharusnya mempunyai sinonim.
3. Bahasa literal boleh digantikan dengan bahasa figuratif.

## **Pembentukan Istilah Bahasa Melayu**

*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM, 2004)* dapat dijadikan garis panduan kepada ahli jawatankuasa istilah, pakar bidang keilmuan, perancang bahasa, ahli professional serta pengguna bahasa Melayu dalam membentuk istilah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan (Dewan Bahasa dan Pustaka 2004, p.xv-xvi). *PUIBM (2004)* merupakan pedoman yang dijadikan panduan utama dalam pembentukan istilah di ketiga-tiga negara, iaitu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Kerja peristilahan bermula dengan konsep. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004)* telah menggariskan tiga langkah dalam pembentukan istilah, iaitu pemantapan, pepadanan dan pereka cipta. Pertama, pemantapan, iaitu memantapkan istilah yang sedia ada untuk digunakan dalam penyampaian ilmu pengetahuan sama ada di sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Kedua, pepadanan, iaitu memanfaatkan istilah asing untuk dijadikan istilah dalam bahasa Melayu melalui kaedah penterjemahan, penyerapan, penyesuaian imbuhan istilah asing serta gabungan penterjemahan dan penyerapan. Ketiga, perekaciptaan, iaitu pakar-pakar dalam pelbagai bidang digalakkan untuk mencipta istilah berdasarkan sumber yang ada untuk mewujudkan konsep yang tepat dan jelas. Junaini Kasdan, *et.al*, (2017, p. 1) mengatakan perbezaan pemahaman konsep dalam kalangan pakar bidang boleh menimbulkan kesukaran untuk mencapai kata sepakat terhadap pemilihan istilah serta memanjangkan tempoh proses pembentukan istilah dan istilah lambat sampai kepada pengguna. Istilah merupakan kosa kata khusus yang dikumpul daripada keadaan sebenar dan bukan dicipta atau digubal oleh pakar istilah semata-mata.


Tiga pendekatan utama dalam penciptaan pepadanan baharu adalah seperti yang berikut (*PUIBM Edisi Baharu, 2004, p. 5*);

- i. Penggunaan sumber sedia ada, misalnya, bidang seni tenun Melayu mempunyai begitu banyak kosa kata bahasa Melayu berdasarkan kepelbagaian hasil tenun. Oleh itu, istilah-istilah tersebut boleh dimanfaatkan untuk membentuk istilah baharu dalam bidang berkaitan.

- ii. Pengubahsuaian sumber sedia ada. Misalnya, dengan pengubahsuaian ejaan istilah bahasa asing mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Pengubahsuaian ini boleh dibuat secara keseluruhan atau sebahagian kata atau imbuhan istilah berkenaan.
- iii. Penciptaan entiti linguistik yang baharu. Bagi konsep yang benar-benar baru muncul, maka entiti linguistik yang baharu boleh dicipta menggunakan kata-kata sedia ada. Misalnya, virus nipah ialah istilah yang dicipta untuk sejenis varian bagi virus yang ditemui oleh pakar mikrobiologi Malaysia tidak lama dahulu.

### **Pemetaan Konsep Alat ‘rahat’ Seni Tenun Melayu**

Pembinaan peta konsep berdasarkan istilah yang dikumpul daripada bahan tulisan hasil pengkaji-pengkaji sebelum ini dalam bidang seni tenun. Menurut Felber (1995, p.46), pemetaan dan penjadualan konsep membantu dalam pengumpulan maklumat yang diketahui tentang sesuatu perkara dan memahami maklumat baru yang sedang dipelajari. Dengan adanya pendekatan menurut konsep dan sistem konsep, kerja pengumpulan istilah menjadi lebih mantap apabila kerja tersebut dimulai dengan membina dan mengumpulkan sistem konsep yang ada dalam bidang berkenaan dalam bentuk yang dicadangkan dalam kerja peristilahan antarabangsa. Terdapat tiga jenis alat yang digunakan dalam seni tenun, iaitu anian, kek dan rahat-ruing. Senarai istilah dibina berdasarkan konsep alat yang hanya memfokuskan ‘rahat’ seperti rajah di bawah;




**Rajah 4:** Pemetaan konsep alat ‘rahat-ruing’ dalam seni tenun (i).



Rajah 4 menunjukkan peta konsep alat yang memperlihatkan tiga turutan bagi konsep genus-spesies atau superordinat-subordinat. Turutan 1 menunjukkan *alat* sebagai genus dan *rahat-ruing* sebagai spesies. Bagi turutan 2, *rahat-ruing* merupakan genus kepada spesies *rahat* dan *ruing/darwin/ruin*. Turutan 3 menunjukkan konsep *rahat* menjadi genus kepada spesies *tapak rahat, gandar rahat, tali kelindan, tangan rahat/ otek-otek, tiang rahat* dan *kekisi*. Jadual 2 di bawah menunjukkan takrif dihasilkan berdasarkan peta konsep.

**Jadual 2:** Senarai takrif alat '*rahat*' dalam Seni Tenun


Entri	Takrif
rahat-ruing	Alat yang terdiri daripada rahat dan ruing untuk menerai benang, tongkol pada peleting
ruing	Bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menerai benang tongkol, kemudian digulungkan pada peleting. Terdapat dua jenis ruing, iaitu ruing benang emas dan ruing benang pakan
darwin	<i>lih.</i> ruing
ruin	<i>lih.</i> ruing
rahat	Bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol dari ruing. Terdapat dua jenis rahat iaitu rahat daun dan rahat piring.
tapak rahat	Bahagian rahat yang merupakan kayu yang menjadi asas untuk menegakkan tiang ruing.
gandar rahat	Bahagian rahat yang terdiri daripada sebatang kayu atau nibung bulat yang menjadi paksi rahat.
tali kelindan	Bahagian rahat yang terdiri daripada gelung tali yang menghubungkan daun rahat dengan kekisi dan memutarakan kekisi apabila daun rahat dipusingkan.
tangan rahat	Bahagian rahat yang berupa engkol untuk memutarakan piring rahat atau daun rahat.
<i>otek-otek</i>	<i>lih.</i> tangan rahat
tiang rahat	Bahagian rahat yang berupa sepasang kayu yang dipasang tengah pada tapak rahat berukuran lebih kurang 30 cm untuk dipasang gandar rahat agar dapat menggerakkan daun rahat atau piring rahat.
kekisi	Bahagian rahat yang berupa kayu atau nibung panjangnya antara 12-18 cm, garis pusat 0.5 cm dan salah satu hujungnya meruncing, di tengahnya lekuk untuk laluan tali kelindan.



**Rajah 4a:** Pemetaan Konsep Alat

Berdasarkan Rajah 4a di atas, wujudnya hubungan logik dan ontologi. Hubungan logik meliputi hubungan logik subordinat dan hubungan logik koordinat. Hubungan logik memperlihatkan hubungan keserupaan antara dua konsep yang saling bertalian antara satu sama lain. Hubungan ini dikenali sebagai pertalian generik yang memperlihatkan hubungan antara superordinat atau genus dengan subordinat atau spesies. Hubungan ontologi pula merupakan hubungan yang wujud secara tidak langsung antara konsep individu yang tergolong di bawah suatu konsep utama (Felber, 1995, p. 105). Hubungan ini juga dikenali sebagai seluruh-sebahagian yang melibatkan perbandingan antara objek sama ada bersifat hubungan partitif subordinat, hubungan partitif koordinat, hubungan partitif persilangan atau hubungan partitif diagonal.

i) Hubungan Logik Subordinat




**Rajah 4b:** Hubungan Menegak

Berdasarkan Rajah 4b di atas, konsep *alat* merupakan superordinat bagi subordinat *rahat-ruing*. Konsep *rahat-ruing* pula merupakan superordinat kepada subordinat *rahat*. Urutan konsep superordinat dengan subordinat membentuk hubungan secara menegak. Hubungan antara konsep ditentukan berdasarkan ciri-ciri konsep. Konsep *rahat-ruing* mempunyai ciri untuk menerai benang tongkol pada peleting yang terdiri daripada *rahat* dan *ruing*. Bagi konsep *rahat* mempunyai ciri tambahan, iaitu bahagian *rahat-ruing* yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol dari *ruing*. Hubungan ciri ini menunjukkan adanya hubungan logik subordinat.


ii) Hubungan Logik Koordinat

Hubungan logik koordinat menunjukkan pertalian dua konsep subordinat yang berhubung dengan satu konsep superordinat. Dalam Rajah 4c di atas, konsep *alat* merupakan superordinat bagi subordinat *rahat-ruing*, konsep *rahat-ruing* pula merupakan superordinat bagi konsep subordinat *rahat* dan *ruing/ darwin/ ruin*. Konsep *rahat* bahagian *rahat-ruing* yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol daripada *ruing* dan terdapat dua jenis *rahat*, iaitu *rahat* daun dan *rahat* piring. Seterusnya, konsep *ruing/ darwin/ ruin* bahagian *rahat-ruing* yang berfungsi untuk menerai benang tongkol, digulungkan pada peleting. Terdapat dua jenis *ruing*, iaitu *ruing* benang emas dan *ruing* benang pakan. Konsep *rahat* mempunyai sebahagian ciri yang sama dengan konsep *ruing/ darwin/ ruin*. Persamaan ciri tersebut, meletakkan konsep *rahat* sebagai koordinat bagi *ruing/ darwin/ ruin*. Turutan konsep koordinat ini membentuk hubungan mendatar dan dikenali sebagai hubungan logik koordinat yang wujud secara mendatar.



Rajah 4c: Hubungan Mendatar


iii) Hubungan Partitif Subordinat



Rajah 4d: Pemetaan Konsep Alat

Hubungan partitif subordinat juga dikenali sebagai partitif menegak. Hubungan ini merujuk bahagian yang terdapat pada dua objek yang berlainan dengan tambahan satu bahagian pada salah satu objek (Felber, 1995: 105). Berdasarkan Rajah 4d, *rahat-ruing* merupakan konsep *alat* yang terdiri daripada *rahat* dan *ruing* untuk menerai benang tongkol pada *peleting*. Konsep *rahat* pula *bahagian* *rahat-ruing* yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol dari *ruing*. Bahagian *rahat* meliputi *tapak rahat*, *gandar rahat*, *tali kelindan*, *tangan rahat/ otek-otek*, *tiang rahat* dan *kekisi*. Konsep *rahat* merupakan subordinat partitif bagi konsep *tapak rahat* berdasarkan ciri *bahagian rahat* yang merupakan *papan tebal bentuk, 'T'* yang menjadi *tapak tiang rahat* dan *tiang kekisi*. Pertalian antara konsep-konsep ini secara tidak langsung mewujudkan hubungan partitif subordinat.

iv) Hubungan Partitif Koordinat



Rajah 4e: Pemetaan konsep alat

Hubungan partitif koordinat merujuk dua objek yang menjadi bahagian daripada keseluruhan objek yang lain. Hubungan partitif koordinat turut dikenali sebagai hubungan partitif mendatar. Berdasarkan Rajah 4e, *rahat* merupakan superordinat partitif bagi konsep *tapak rahat*, *gandar rahat*, *tali kelindan*, *tangan rahat/ otek-otek*, *tiang rahat* dan *kekisi*. Konsep *tapak rahat* berkoordinat dengan konsep *gandar rahat*, *tali kelindan*, *tangan rahat/ otek-otek*, *tiang rahat* dan *kekisi*. Keenam-enam konsep ini merupakan subordinat partitif bagi *rahat*. Peletakan konsep subordinat pada *rahat* berdasarkan ciri yang terdapat pada konsep-konsep tersebut. Misalnya, konsep *tapak rahat* mempunyai ciri *bahagian rahat yang merupakan papan tebal bentuk 'T' yang menjadi tapak tiang rahat dan tiang kekisi*, konsep *gandar rahat* mempunyai ciri *bahagian rahat yang terdiri daripada sebatang kayu atau nibung bulat yang menjadi paksi rahat*, konsep *tali kelindan* mempunyai ciri *bahagian rahat yang terdiri daripada gelung tali yang menghubungkan daun rahat dan kekisi dan memutarakan kekisi apabila daun rahat dipusingkan*. Bagi konsep *tangan rahat*, ia mempunyai ciri *bahagian rahat yang berupa engkol untuk memutarakan piring rahat atau daun rahat*, konsep *tiang rahat* mempunyai ciri *bahagian rahat yang berupa sepasang kayu yang dipasang tengah pada tapak rahat berukuran lebih kurang 30cm untuk dipasang gandar rahat agar dapat menggerakkan daun rahat atau piring rahat*. Konsep *kekisi* mempunyai ciri *bahagian rahat yang berupa kayu atau nibung, panjangnya antara 12-18cm, garis pusat 0.5cm dan salah satu hujungnya meruncing, ditengahnya lekuk untuk laluan tali kelindan*. Pertalian antara keenam-enam konsep ini dikenali dengan hubungan partitif koordinat.

### **Hubungan Istilah-Konsep**

Hubungan antara istilah konsep dapat dihuraikan berdasarkan ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu istilah. Menurut Zubaidi Abas (2000), istilah yang dibentuk saling berkait dengan konsep yang diwakili. Terdapat beberapa kemungkinan bagi hubungan istilah-konsep, iaitu keunivokalan, kepoliseman, kesinoniman, kehomonimaan dan jargon.

#### **i. Keunivokalan**

Hubungan ini melibatkan satu istilah dan satu konsep sahaja atau hanya satu konsep mewakili satu istilah dan sebaliknya. Pepadanan istilah-

konsep yang memperuntukkan satu konsep kepada satu istilah sahaja dikenali monosemi, manakala pepadanan istilah konsep yang memperuntukkan satu istilah kepada satu konsep sahaja dikenali mononimi. Misalnya,

- rahat* bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol dari ruing. Terdapat dua jenis rahat, iaitu rahat daun dan rahat piring.
- tapak ruing* bahagian ruing yang merupakan kayu yang menjadi asas untuk menegakkan tiang ruing.

## ii. Kepoliseman

Hubungan ini wujud apabila satu istilah diperuntukkan kepada dua atau lebih konsep yang saling bergantung. Perbezaan makna lazimnya muncul disebabkan tafsiran yang berbeza. Kemunculan beberapa istilah mendukung pelbagai konsep yang tidak dapat dielakkan. Implikasinya, pengguna istilah yang bersifat polisemi boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Oleh itu, istilah yang berbeza perlu digubal untuk menggantikan istilah yang mengelirukan (Ezura As'ad Azam, 2012, p. 53). Hubungan ini tiada dalam pemetaan konsep alat 'rahat'.

## iii. Kesinoniman

Kesinoniman wujud apabila satu atau lebih istilah diperuntukkan kepada konsep yang sama. Pendekatan tradisional tidak menggalakkan sinonim. Namun begitu, pendekatan sosioterminologi menerima sinonim kerana unsur ini terdapat dalam pembendaharaan kata bahasa Melayu. Kehadiran sinonim kadangkala tidak dapat dielakkan kerana adanya penerimaan kata-kata baharu dalam satu-satu bahasa. Penerimaan konsep sinonim juga dapat membantu pemahaman makna sesuatu kata baharu yang dikaitkan dengan kata lama. Misalnya,

- ruing* bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menerai benang tongkol, kemudian digulungkan pada peleting. Terdapat dua jenis ruing, iaitu ruing benang emas dan ruing benang pakan
- darwin* *lih.* ruing
- ruin* *lih.* Ruing

iv. Kehomoniman

Hubungan ini berlaku sekiranya wujud bentuk istilah luaran yang sama, iaitu dari segi ejaan atau bunyi yang diperuntukkan kepada konsep yang berbeza. Istilah ini boleh terdiri daripada homofon, homograf atau homonim penuh. Homograf merujuk pada istilah yang sama dari segi sebutan, homograf pula terdapat persamaan pada bentuk tulisan manakala homonim merujuk pada kata yang bunyinya sama tetapi mempunyai erti yang berlainan. Hubungan ini tiada dalam pemetaan konsep alat 'rahat'.

v. Jargon

Hubungan ini menunjukkan penggunaan istilah teknikal yang digunakan dalam bidang tertentu misalnya undang-undang, perubatan dan sains sosial. Istilah teknikal kebiasaannya digunakan dan difahami oleh individu yang terlibat dalam bidang tertentu sahaja. Pemadanan istilah-konsep lebih kelihatan bersifat arbitrari daripada metaforik. Misalnya,

*rahat-ruing* alat yang terdiri daripada rahat dan ruing untuk menerai benang tongkol pada peleting

*ruing* bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menerai benang tongkol, kemudian digulungkan pada peleting. Terdapat dua jenis ruing, iaitu ruing benang emas dan ruing benang pakan

*rahat* bahagian rahat-ruing yang berfungsi untuk menggulung benang tongkol dari ruing. Terdapat dua jenis rahat iaitu rahat daun dan rahat piring.

## **Kesimpulan**

Perkara asas yang perlu jelas dalam kerja peristilahan ialah istilah itu lambang bagi konsep dalam bidang khusus. Wuster menekankan satu istilah, satu konsep dan sebaliknya. Namun begitu, selepas tahun 1990-an telah timbul idea baru dalam terminologi yang memperkenalkan pendekatan yang berbeza disebabkan oleh bidang terminologi mula diterokai dalam pelbagai bidang. Selain pendekatan yang diasaskan oleh Wuster, terdapat juga beberapa pendekatan atau teori lain antaranya,

Lanjutan Teori Terminologi, Sosioterminologi, Teori Komunikasi Terminologi, Teori Sosiokognitif, Terminologi berdasarkan Kerangka, Pendekatan Budaya dan Pendekatan Tekstual. Sebelum sesuatu istilah itu dibentuk, padanan dicari atau dipinjam, konsep yang akan dilambangkan oleh istilah itu perlu ditentukan berdasarkan analisis konsep. Jika prinsip serta teori peristilahan yang terdapat dalam *Terminology Manual* (Felber, 1984) difahami dan diterapkan dalam kerja peristilahan, nescaya istilah yang dibentuk itu merupakan istilah standard yang sukar dirongkah.

### **Bibliografi**

- Anwar Din (pnyt.) 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cabré Castellvi, T.M. (2003). Theories of terminology: Their description, prescription and explanation. *Terminology* 9 (2), p.5-14.
- Drozdz, L. (1986). School of terminology (A part of a monograph). *Infoterm Series* 8. Munich: K.G. Saur.
- Felber, H. 1995. *Panduan Peristilahan*. Terj. Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Budaya Malaysia (Seni Tenun)* 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu. 2004. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Zuhairah Idrus. (2017). Ketidakselarasan bahasa Melayu dalam korpus kejuruteraan dan S&T: Analisis sosioterminologi. *Jurnal Linguistik*, 21 (1), p.1-13.
- Temmerman, R. (2016). Persoalan Keunggulan Univositi: Perbezaan antara Terminologi Sosiokognitif dan Terminologi Tradisional. Dipetik daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/?p=3294> pada 23 Februari 2018.